

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Peningkatan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024



Panduan Penghasilan Visual Berunsur Perpaduan

Mohamad Quzami An-Nuur bin Ahmad Radiz

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak.

Emel Koresponden: guzami@uitm.edu.my

Menurut Kamus Dewan, salah satu maksud bagi terma visual ialah merujuk kepada perkara atau benda yang boleh dilihat dan ia berdasarkan penglihatan. Dalam bidang seni lukis dan seni reka, visual merujuk kepada semua bentuk hasil seni yang dihasilkan dalam pelbagai cabang berkaitan seni lukis dan seni reka. Cabang-cabang ini boleh dirujuk kepada mana-mana seni tampak yang mana biasanya dalam bentuk fizikal ataupun yang diterbitkan di skrin seperti seni reka grafik dan multimedia.

Walaupun bagaimanapun, visual-visual yang dihasilkan pada hari ini memerlukan satu acuan ataupun panduan yang mampu memberi impak kepada masyarakat. Penulis berpendapat bahawa visual ini sebenarnya bukan sahaja berkaitan seni tampak seperti mural, lukisan dan sebagainya. Akan tetapi ia juga perlu dilihat dari skop yang lebih luas iaitu berkaitan penggunaannya di layar skrin seperti poster yang dikongsi di media sosial, templat rekaan aplikasi suntingan dalam talian, digital billboard dan iklan di skrin besar.

Dalam perkongsian ini, penulis berpandangan bahawa unsur perpaduan adalah satu unsur penting yang boleh dimasukkan bersama dalam mana-mana hasil seni visual terutama di dalam negara. Unsur perpaduan penting dalam memastikan perpaduan terjaga dan terjamin serta diwarisi sehingga ke generasi hadapan. Oleh itu, penulis akan kongsi tiga panduan dalam menghasilkan visual yang berkaitan perpaduan.

Pertama, visual yang dihasilkan perlulah bercirikan budaya masyarakat Malaysia. Terdapat tiga kaum utama di Malaysia dan pelbagai praktis budaya diamalkan oleh semua kaum ini. Kebudayaan ini boleh dirujuk dengan cara hidup, pakaian, muzik serta adat. Perlu juga diingatkan selain tiga kaum utama ini, terdapat juga kaum bumiputera lain yang juga merupakan sebahagian dari rakyat majmuk di Malaysia. Kesemua kaum di Malaysia ini perlulah dirujuk sebagai sebahagian pilihan visual yang boleh diguna pakai dalam menterjemahkan perpaduan. Sebagai contoh, motif bumiputera masyarakat di Sabah dan Sarawak digunakan dalam rekaan poster yang dikongsikan di media sosial. Ini bukan sahaja menaikkan dan memperkenalkan motif tersebut tetapi ia melambangkan perpaduan yang di amalkan di negara ini. Antara contoh visual yang mencerminkan budaya yang dimaksudkan adalah seperti motif Pua Kumbu, motif flora batik, motif bunga negeri, motif perhiasan khas negeri, alat muzik tradisional dan sebagainya.



Seterusnya, visual bangunan ikonik dan tradisional juga boleh dijadikan sebagai sebahagian visual dalam mencerminkan perpaduan di Malaysia. Bangunan ikonik dan tradisional yang mencerminkan sejarah boleh diadaptasikan dan dipermudahkan bentuknya menjadi visual berciri perpaduan. Dengan cara ini juga, visual yang dihasilkan sebenarnya boleh dijadikan sebagai alternatif dalam memelihara nilai dan mempromosikan bangunan ini kepada masyarakat umum. Visual ini juga dapat membantu menceritakan dan mengembalikan memori sejarah secara tidak langsung. Contohnya, bangunan yang mempunyai penggunaan atap singgora, rumah Minangkabau, rumah Tabak, rumah berciri Baba dan Nyonya, Bangunan Parlimen dan Bangunan Sultan Abdul Samad.

Panduan yang terakhir adalah visual yang mencerminkan prinsip Rukun Negara. Terdapat lima prinsip dalam Rukun Negara Malaysia. Penghasilan visual sinonim dengan pencerminan Rukun Negara juga sebenarnya boleh menjadi sebahagian visual berkaitan perpaduan. Tidak dinafikan bahawa visual yang akan dihasilkan adalah bersifat subjektif dan mungkin berbentuk abstrak, tetapi idea rekaan visual tersebut perlu berlandaskan tonjak Rukun Negara itu sendiri. Ini juga sebenarnya cabaran kepada pereka khasnya dalam mencari idea baru dan terkini dalam memilih visual yang sesuai dengan Prinsip Rukun Negara tersebut. Penggunaan visual DYMM Yang Di-Pertuan Agong Malaysia merupakan salah satu contoh terbaik dalam penghasilan visual berkaitan Rukun Negara ini.

Kesimpulannya, penulis melihat bahawa penghasilan visual berkaitan perpaduan ini amat penting diamalkan kerana ia dapat menyemarakkan lagi semangat patriotik di kalangan rakyat Malaysia. Ia juga dapat membantu pihak berwajib dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya perpaduan dan dapat menjadikan Malaysia sebagai satu contoh negara yang mempunyai semangat perpaduan jitu walaupun mempunyai pelbagai kaum di dalamnya.





eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com